Sebelum ini, beliau berkata perumahan seperti apartmen dan kondominium di kawasan TOD yang dirancang selepas ini tiada ruang tempat letak kereta, sekali gus mengurangkan harga rumah.

Projek itu bagi membolehkan orang muda yang baru bekerja dan mahasiswa, menyewa kediaman itu pada kadar berpatutan, selain memudahkan pergerakan mereka menggunakan pengangkutan awam.

Sementara itu, Zuraida berkata, kerajaan masih meneruskan inisiatif pembinaan rumah transit untuk kemudahan belia seperti dilaksana kerajaan terdahulu.

Mengulas projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), beliau berkata, kementerian sememangnya menetapkan kriteria ketat dari segi pemilihan lokasi pembinaan projek berkenaan.

"Tapak PR1MA yang kita kenal pasti perlu ada lawatan tapak. Banyak tanah yang kita tolak, sebab tidak memenuhi kriteria atau dapat menjayakan pembinaan rumah mampu milik," katanya.

Berkait isu lambakan rumah tidak terjual, beliau berkata, satu pangkalan data sedang dibangunkan kementerian bagi meneliti dan menganalisis berkenaan permintaan, harga dan lokasi rumah.

"Data ini membolehkan kita membuat keputusan dan penilaian sama ada kita nak luluskan sesuatu permohonan (pembinaan rumah baharu oleh pemaju) dan kita lihat bagaimana kepadatan untuk sesuatu lokasi dan tempat itu," katanya.